

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Rabu, 28 Ogos 2024



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MALAYSIA, JULAI 2024

**Terma Perdagangan Malaysia berkurang 0.9 peratus pada Julai 2024,
disumbangkan terutamanya oleh minyak galian.**

PUTRAJAYA, 28 OGOS 2024 – Harga eksport Malaysia pada Julai 2024 merosot 0.6 peratus daripada 151.2 mata pada bulan sebelumnya kepada 150.2 mata, manakala harga import meningkat 0.3 peratus kepada 130.4 mata. Sementara itu, terma perdagangan Malaysia berkurang 0.9 peratus bulan ke bulan kepada 115.2 mata, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), Julai 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, indeks nilai seunit eksport jatuh 0.6 peratus pada Julai 2024 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kejatuhan indeks minyak galian (-3.6%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-2.1%) dan pelbagai barang keluaran kilang (-0.5%). Namun begitu, indeks volum eksport naik 4.7 peratus selaras dengan kenaikan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+39.7%), bahan kimia (+12.1%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+10.5%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim turut meningkat 13.5 peratus daripada 149.0 mata kepada 169.1 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit dan indeks volum masing-masing bertambah 6.1 peratus dan 5.9 peratus.

Indeks nilai seunit import menokok 0.3 peratus pada Julai 2024, disumbangkan oleh peningkatan indeks minyak galian (+5.1%) dan makanan (+0.1%). Sementara itu, indeks volum import turut naik 11.3 peratus pada Julai 2024 berbanding Jun 2024, disumbangkan oleh kenaikan indeks makanan (+23.0%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+20.7%) dan barang-barang keluaran kilang (+16.9%). Indeks volum import pelarasan bermusim bertambah 20.6 peratus daripada 186.2 mata kepada 224.6 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit dan indeks volum import masing-masing berkembang 2.2 peratus dan 22.7 peratus.

Pada masa yang sama, terma perdagangan Malaysia merosot 0.9 peratus bulan ke bulan kepada 115.2 mata pada Julai 2024, didorong oleh kejatuhan indeks minyak galian (-8.3%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-1.8%) dan pelbagai barang keluaran kilang (-0.4%). Terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun bertambah 3.8 peratus daripada 111.0 mata pada Julai tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2022 – Julai 2024**

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

28 Ogos 2024

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, August 28th 2024



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

EXTERNAL TRADE INDICES, JULY 2024

***Malaysia's terms of trade decreased by 0.9 per cent in July 2024,
mainly attributable to mineral fuels.***

PUTRAJAYA, AUGUST 28, 2024 – Malaysia's export prices in July 2024 decreased by 0.6 per cent from 151.2 points in the previous month to 150.2 points, while import prices increased by 0.3 per cent to 130.4 points. However, Malaysia's terms of trade slipped by 0.9 per cent month-on-month to 115.2 points as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), July 2024**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that, the export unit value index went down by 0.6 per cent in July 2024 as compared to the previous month, led by the decrease in the index of mineral fuels (-3.6%), animal & vegetable oils & fats (-2.1%) and miscellaneous manufactured articles (-0.5%). However, the export volume index grew by 4.7 per cent in line with the increase in the index of animal & vegetable oils & fats (+39.7%), chemicals (+12.1%) and miscellaneous manufactured articles (+10.5%). The seasonally adjusted export volume index also increased by 13.5 per cent from 149.0 points to 169.1 points. With regards to the annual comparison, the unit value index and volume index went up by 6.1 per cent and 5.9 per cent, respectively.

The import unit value index went up by 0.3 per cent in July 2024, contributed from the increase in the index of mineral fuels (+5.1%) and food (+0.1%). Meanwhile, the import volume index also edged up by 11.3 per cent in July 2024 as compared to June 2024, attributed from the increase in the index of food (+23.0%), machinery & transport equipment (+20.7%) and manufactured goods (+16.9%). The seasonally adjusted import volume index expanded by 20.6 per cent from 186.2 points to 224.6 points. Year-on-year comparison showed that the import unit value index and volume index grew by 2.2 per cent and 22.7 per cent, respectively.

In addition, Malaysia's terms of trade went down by 0.9 per cent month-on-month to 115.2 points in July 2024, driven by the decrement in the index of mineral fuels (-8.3%), animal & vegetable oils & fats (-1.8%) and miscellaneous manufactured articles (-0.4%). Malaysia's terms of trade rose by 3.8 per cent year-on-year from 111.0 points in July of the previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.




Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2022 – July 2024

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
28 August 2024